

19/12/1997

PM lancar kiosk awam pertama

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahahtir Mohamad hari ini melancarkan kiosk transaksi elektronik pertama, e-link Kiosk Awam Malaysia yang mengamalkan konsep terminal mesra pengguna.

Projek itu yang diterajui Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) di Jabatan Perdana Menteri, diusahakan secara kerjasama dengan agensi kerajaan.

Telekom Malaysia pula bertindak selaku vendor yang dilantik oleh kerajaan bagi membangunkan aplikasi serta menyediakan infrastruktur diperlukan untuk mengendalikannya.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Telekom, e-link Kiosk Awam Malaysia akan menjadi pusat setempat dengan fungsi sentuh skrin yang mudah dan ringkas.

Melalui kiosk ini, katanya, perkhidmatan kerajaan boleh diperolehi secara mudah dengan pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini, serta membuat transaksi pembayaran terus-menerus dengan pangkalan data kerajaan secara cepat dan mudah.

(END)